

HIKMAH IBADAH HAJI

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي لَدَى بَيْكَةِ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Pada masa ini, para jemaah haji dari segala pelusuk dunia masih berduyun-duyun membanjiri kota suci Makkah. Mereka memiliki tujuan yang satu iaitu ingin menyempurnakan ibadah haji. Dengan segala perasaan bercampur-baur, mereka meninggalkan sanak saudara dan tanah air tercinta bagi memenuhi seruan rukun Islam yang kelima. Sudah pasti setiap individu yang bertuah terpilih menunaikan fardu haji mengidamkan untuk mendapat haji yang mabrur. Haji yang mabrur ditakrifkan oleh sebilangan ulama sebagai haji yang maqbul atau diterima oleh Allah Subhanahu wa Taala. Imam an-Nawawi mengatakan, haji mabrur bermaksud ibadah haji yang tidak dicemari dengan perbuatan dosa.

Sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةَ

Yang bermaksud: *Satu umrah ke umrah berikutnya adalah penghapus dosa antara keduanya, dan haji mabrur tidak ada balasan baginya kecuali syurga.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Sesungguhnya ibadah haji bukanlah semata-mata upacara ibadah sahaja, sebaliknya ia memiliki begitu banyak pengajaran. Bermula dengan niat berihram, terdapat satu pengajaran besar yang perlu dihayati. Apabila berihram, para jemaah dilarang melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh-Nya.

Ibadah tawaf iaitu gerakan mengelilingi kaabah sebanyak tujuh kali membawa mesej bahawa hidup ini mesti mengikut aturan yang ditentukan oleh Allah Subhanahu wa Taala. Ibadah Sa'i iaitu berulang alik dari Bukit Safa ke Bukit Marwah sebanyak tujuh kali juga menjadi lambang perjuangan yang tidak kenal erti penat dan lelah. Ia diambil daripada peristiwa Siti Hajar berulang-alik mencari air untuk puteranya Ismail Alaihissalam. Peristiwa ini juga memberi pengajaran bahawa kita perlu berusaha kerana Allah Subhanahu wa Taala menjanjikan kita kesenangan selepas kesusahan sebagaimana dinyatakan dalam firman-Nya:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan. Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.*

Ibadah wukuf di Arafah pula memberi gambaran tentang suasana manusia mengadap Allah Subhanahu wa Taala di Padang Mahsyar. Jutaan jemaah haji membanjiri Arafah dalam cuaca panas. Ia memberi mesej, bahawa setiap kita tidak akan terlepas daripada menunggu giliran dalam lautan manusia untuk diadili pada hari akhirat. Ia memotivasikan jiwa kita untuk sedar betapa kerdilnya diri kita di hadapan Allah Subhanahu wa Taala lalu mendorong kita melakukan persiapan sebelum mati.

Amalan melontar jamrah pula merupakan simbol penentangan kita kepada segala tipu daya syaitan. Ia juga ikrar kita bahawa syaitan merupakan musuh yang nyata kepada manusia. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Fatir ayat 6:

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا

Yang bermaksud: *Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh(mu).*

Akhir sekali, tahallul menjadi simbol bahawa jemaah haji telah selesai menjalani suatu sesi latihan. Ia mendidik jiwa agar terus istiqamah dalam ketaatan walaupun sesudah pulang ke tanah air nanti. Ini kerana, orang yang sempurna menunaikan haji tidak

lagi mempunyai dosa, mereka seolah-olah bayi yang baru dilahirkan. Sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرُفْثْ، وَلَمْ يَفْسُقْ، رَجَعَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Yang bermaksud: *Sesiapa yang menunaikan haji, dengan tidak berbicara kotor dan tidak mencaci, maka diampuni dosanya seperti hari ia dilahirkan.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Pada bulan Zulhijjah yang mulia ini, marilah kita bersama-sama mendoakan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan para jemaah haji yang sedang berada di tanah suci. Di samping itu, bagi kita yang belum melaksanakan ibadah haji, hendaklah kita mempunyai azam yang kuat untuk ke sana. Simpanlah sebahagian pendapatan kita untuk menunaikan haji dan segeralah mendaftar dengan pihak Tabung Haji. Berdoalah bersungguh-sungguh semoga Allah Subhanahu wa Taala memudahkan jalan untuk kita merealisasikan impian menunaikan haji selagi hayat masih ada.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا مَكَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ

الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud: *Padanya terdapat tanda-tanda yang nyata, (di antaranya) maqam Ibrahim. Barangsiapa memasukinya (Baitullah itu) menjadi amanlah dia. Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barangsiapa mengingkari (kewajiban haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) daripada semesta alam.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.